



MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2001

ALASAN PENGHAKIMAN

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9 – 11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan Alasan Penghakiman. Alasan Penghakiman sesuatu kes hendaklah disediakan tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya.

2. Ianya hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah-hujah pihak-pihak, Otoriti kes yang dirujuk. Semasa penulisan dibuat penggunaan tanda tulisan yang betul seperti perenggan, koma, noktah, pengikat kata, seruan dan sebagainya hendaklah diikuti.
3. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai *1 Julai 2001*.


(YAA TUAN HAJI SAM B HJ OJEH)
Ketua Hakim Syarie

Rujukan : MS/0/41 JLD. 2 (14)
Takwim : 27 Rabiul Awwal 1422H
Tarikh : 19 Jun 2001